

**86PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN WILLIE ANAK MONGIN
[PUNCAK BORNEO]**

TARIKH : OKTOBER – DISEMBER 2019

SOALAN

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan pelan Kerajaan untuk menambah baik keadaan jeti-jeti pelabuhan kapal persiaran marina di seluruh negara. Setakat ini, semua marina merugikan Kerajaan dan bagaimana Kerajaan hendak membuat marina-marina seluruh negara menguntungkan Kerajaan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Kelapan (RMKe-8) telah membina sebanyak 10 buah Marina Awam Persekutuan dengan kos keseluruhan sebanyak RM268.7 juta. Pembinaan marina-marina awam ini telah bermula pada tahun 2003 dan siap sepenuhnya pada tahun 2009.
2. Sebanyak 9 daripada marina-marina awam tersebut diurus tadbir dan diselenggara oleh Jabatan Laut Malaysia (JLM). Manakala sebuah marina awam terletak dibawah pengawal seliaan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP). Pembinaan marina-marina awam ini merupakan satu inisiatif Kerajaan untuk menggiat dan mempromosi industri kapal layar di dalam negara.

3. Walau bagaimanapun, dengan mengambil kira kos penyenggaraan yang tinggi iaitu dengan anggaran sebanyak RM6.075 juta setahun, pengoperasian marina-marina awam ini tidak lagi dilihat dapat memberi kos faedah yang baik. Dalam masa yang sama JLM juga mempunyai kekangan tenaga kerja mahir dalam menguruskan marina-marina awam secara komersil.
4. Dalam hubungan ini, sebanyak 3 buah marina awam telah diserahkan kepada Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan sebuah marina awam diserahkan kepada Majlis Daerah Muar sebagai Pusat Penerangan Pelancongan.
5. Susulan itu, Jemaah Menteri pada 2 Disember 2015 telah menimbang dan bersetuju supaya Marina Awam Pulau Indah, Selangor dan Marina Awam Pulau Tioman ini diswastakan kepada sektor swasta yang berminat melalui kaedah pajakan secara tender terbuka "*Request for Proposal*" (RFP). Manakala, Marina Awam Pulau Mentagor, Perak dipajakkan kepada Majlis Perbandaran Manjung (MPM) dengan kadar pajakan permulaan sebanyak RM160,000.00 setahun. Ini adalah bagi mengurangkan beban kewangan Kerajaan dari aspek penyelenggaraan dan bagi memastikan aset berkenaan dapat digunakan secara optimum.
6. Selaras dengan keputusan Jemaah Menteri tersebut, Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) pada masa ini sedang menerokai potensi pengambilalihan marina-marina awam persekutuan oleh Pihak Berkuasa Negeri. Seterusnya, cadangan penswastaan akan diangkat untuk pertimbangan Jemaah Menteri setelah mendapat maklum balas dari pihak pemegang taruh kelak.

Sekian, terima kasih.